

GRADUAN POLITEKNIK

Portal baru kursus teknologi infokom

KARYAWAN dan graduan kini boleh mula mendaftar bagi program latihan teknologi infokom (ICT) melalui portal baru yang dilancarkan Pengusaha Pembangunan Infokom (IDA) dan Agensi Pembangunan Tenaga Kerja (WDA).

Mereka boleh memilih daripada 380 kursus latihan dan pensijilan yang merupakan sebahagian daripada rangka kerja TechSkills Accelerator pertama yang diumumkan Menteri Kewangan Heng Swee Keat dalam Belanjawan tahun ini.

la meliputi dua bidang utama. Bidang pertama ialah latihan dalam teras ICT seperti keselamatan siber dan pembangunan sofwe yang boleh digunakan dalam semua perniagaan yang dikenali sebagai TeSA Core.

Bidang kedua ialah melatih kemahiran dalam domain tertentu seperti

keuangan dan penjagaan kesihatan bagi karyawan ICT sedia ada yang dikenali sebagai TeSA Sector.

Butiran tersebut diumumkan Menteri Perhubungan dan Penerangan, Dr Yaacob Ibrahim, dalam ucapannya semalam di upacara tamat pengajian Sekolah Teknologi Maklumat, Politeknik Nanyang.

Dr Yaacob berkata: "(Rangka kerja) ini akan melangkah jauh bagi mengukuhkan teras Singapura dalam sektor ICT – terutamanya dalam bidang yang kian berkembang pesat seperti analisis data, keselamatan siber, pembangunan sofwe dan rangkaian infrastruktur."

Kursus yang ditawarkan di portal itu – www.infocommtalent.sg – juga berdasarkan Rangka Kerja Kecekapan Infokom Nasional.

Sebanyak 34 badan – termasuk Institut Sistem Sains Universiti Nasional Singapura, Universiti Penguru-

san Singapura (SMU) dan Hab Pelajaran NTUC – akan menyediakan latihan.

Ketua Eksekutif WDA, Encik Ng Cher Pong, berkata:

"Portal bersepadu itu memberi peluang kepada graduan baru dan karyawan yang ingin mengubah kerjaya mendalami kemahiran mereka dan membina penguasaan pekerjaan."

"Ini membolehkan mereka mendapat pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan untuk maju dalam industri."

Dalam pada itu, Pengarah Urusan bersama IDA, Encik Gabriel Lim, berkata bahawa kerjasama di antara kedua agensi dengan industri "akan membolehkan kita merebut peluang yang menarik dalam ICT", sejajar dengan wawasan Singapura ke arah mencapai Negara Bijak.



BERAMAH MERSA BERSAMA GRADUAN: Dr Yaacob Ibrahim bersama graduan Politeknik Nanyang setelah berakhirnya upacara tamat pengajian semalam. – Foto POLITEKNIK NANYANG